

02 MAR 2000

Sukan-Rakan

RAKAN SUKAN AKAN DIBERI NAFAS BARU KELAK, KATA HISHAMMUDDIN

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Program Rakan Sukan, yang dimulakan enam tahun lepas akan diberi nafas baru kelak untuk membolehkan persatuan-persatuan sukan berganding dengan badan-badan korporat.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, program itu akan dilancarkan semula kelak dengan wajah baru untuk kerjasama yang lebih baik antara persatuan dan sektor korporat.

Semasa bercakap kepada pemberita di pejabatnya di sini, hari ini, Hishammuddin berkata terdapat empat masalah utama yang dikenal pasti dalam program itu yang akan dikaji sebelum program itu diberi nafas baru.

Program rakan sukan itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1994 untuk membolehkan badan-badan korporat mengambil persatuan-persatuan sukan sebagai 'anak angkat' mereka dan juga menaja aktiviti-aktiviti sukan.

Apabila program itu dilancarkan bagi tempoh lima tahun, sebanyak 28 badan korporat menyertainya dengan 27 badan sukan kebangsaan mendapat manfaat daripada tajaan tahunan berjumlah hingga RM18.65 juta.

Bagaimanapun, dengan peralihan masa, beberapa badan korporat menarik balik bantuan kewangan menyebabkan beberapa persatuan terjejas teruk akibat kekurangan sumber kewangan.

Hishammuddin berkata, antara sebab bagi "perpisahan" itu ialah tiadanya keserasian antara badan korporat dan persatuan terbabit.

Beliau juga berkata, faktor lain ialah kegawatan ekonomi, masalah dalaman persatuan serta perubahan dalam pucuk pimpinan dan dasar-dasar syarikat.

Hishammuddin berkata, beliau telahpun memulakan perbincangan dengan beberapa syarikat untuk menyertai projek itu dan respons agak menggalakkan khususnya dengan ekonomi yang semakin pulih.

"Ini waktu yang sesuai untuk menghidupkan semula program itu. Program itu tidak gagal kerana ada persatuan yang berjaya dan ada pula di sebaliknya. Sehingga hari ini, terdapat juga badan-badan korporat yang masih setia dengan persatuan," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

DC PR